



## **SIARAN MEDIA PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI, PIHAK BERKUASA INDUSTRI TEKNOLOGI INFO-KOMUNIKASI DAN AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM MENGENAI PANGGILAN PALSU**

---

1. Polis Diraja Brunei (RBPF), Pihak Berkusa Industri Teknologi Info-komunikasi (AITI) dan Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin mengingatkan orang awam untuk berwaspada terhadap penipuan yang menggunakan telefon bimbit dan talian tetap yang secara tidak jujur cuba untuk memperolehi maklumat peribadi dengan niat untuk menyebabkan kerugian kewangan.
2. Sejak kebelakangan ini, telah didapati beberapa kejadian di mana pengguna telefon menerima panggilan “*Pre-Recorded*” dari nombor tempatan atau antarabangsa yang tidak dikenali, dan menyamar sebagai pegawai penguatkuasa undang-undang atau agensi Kerajaan. “Pegawai” tersebut akan cuba mendapatkan maklumat peribadi atau menuduh awda terlibat dalam jenayah di luar negara. Penerima panggilan seterusnya akan diminta untuk membayar sejumlah wang untuk membersihkan nama awda. Panggilan ini didapati menggunakan beberapa bahasa yang mana panggilan baru-baru ini adalah menggunakan bahasa Mandarin.
3. Pihak-Pihak Berkusa mengingatkan orang ramai bahawa panggilan-panggilan yang diterima bukanlah daripada nombor yang tertera dalam skrin. Pemanggil-pemanggil sering menggunakan teknik yang menyembunyikan nombor sebenar panggilan tersebut dan membolehkan mereka meletakkan sebarang nombor untuk memperdaya orang ramai bahawa panggilan itu adalah daripada nombor tempatan. Disebabkan ini, adalah sukar untuk mengesan sumber sebenar panggilan tersebut. Beberapa negara sedang menghadapi cabaran yang sama, dan Negara Brunei Darussalam adalah tidak terkecuali.
4. Dengan itu, Pihak-Pihak Berkusa ingin menasihati orang ramai untuk mengambil langkah berjaga-jaga jika menerima panggilan-panggilan sedemikian, seperti:
  - 4.1. Mengabaikan panggilan dari nombor yang tidak dikenali sama ada tempatan atau antarabangsa;
  - 4.2. Jangan mudah terperdaya jika menerima panggilan yang mendakwa daripada agensi-agensi penguatkuasa undang-undang antarabangsa dan organisasi seperti Interpol tidak akan membuat panggilan terus untuk meminta maklumat peribadi;
  - 4.3. Berhati-hati dengan panggilan dari nombor tempatan atau antarabangsa yang tidak dikenali. Sekiranya biskita menjawab panggilan tersebut, sila putuskan panggilan dengan segera. Orang ramai juga diingatkan untuk tidak menghubungi semula nombor telefon yang diterima itu kerana ianya mungkin adalah panggilan palsu.

4.4. Jangan mendedahkan maklumat peribadi melalui telefon, terutamanya maklumat berkaitan dengan urusan bank. Ini juga termasuk:

- Nombor Kad Pengenalan atau Nombor Paspot;
- Nombor Kad ATM, Kad Debit atau Kad Kredit termasuk nombor-nombor CVC; dan/ atau
- Nama Pengguna atau Kata Laluan (*Online Usernames or Passwords*).

4.5. Jangan memindah atau mengirim dana kepada organisasi-organisasi atau individu yang tidak dikenali di luar negara. Pihak bank dan perniagaan-perniagaan pengiriman wang juga akan mengambil tindakan yang bersesuaian dalam menangani perkara ini, termasuk memberikan kesedaran kepada pelanggan dan meningkatkan usaha yang sewajarnya (*due diligence*) apabila menjalankan sebarang transaksi kewangan ke luar negara.